

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: MINT HOTEL, KUALA LUMPUR
Tarikh: 14-05-2004
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN BELIA KEBANGSAAN 2004

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(Salutation)

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat bersama di dalam majlis Konvensyen Belia Kebangsaan pada petang ini dan semoga ianya memberi barakah dan manfaat kepada kita semua.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia yang telah bekerjasama bagi menjayakan Konvensyen Belia Kebangsaan tahun 2004 ini.

Saudara-Saudari,

Kita ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga belia Malaysia yang telah membuktikan gelombang kebangkitan belia secara besar-besaran menyokong kita dalam pilihanraya yang baru lalu. Di Pekan, saya secara peribadi rasa begitu tergamam dan seolah-olah tidak percaya apabila arus kepulangan kumpulan remaja, belia, anak pekan sebagai pengundi baru dari seluruh negara pulang menyokong kita. Sehingga 2, 3 hari sebelum mengundi, para petugas kita di bilik-bilik gerakan bergegas menemui saya dan menyatakan kepulangan anak-anak muda ini turun membantu seolah-olah "Arus besar yang sedang terjun dari gunung yang tidak terdaya lagi kita nak tahan". Apa yang menyebabkan saya kagum ialah mereka pulang secara sukarela dan penuh rasa kesedaran dan tanggungjawab untuk membuat perubahan. Ini ternyata benar apabila kebanyakan saluran pengundi baru kita menang besar!

Saudara-Saudari,

Oleh yang demikian, adalah amat wajar dan tiba masanya kita harus merancang sesuatu yang lebih serius untuk belia kita. Percayalah bahawa jika kita gagal memahami inspirasi, realiti, cita-cita dan harapan mereka; nescaya

kita sebenarnya mengkhianati mereka. Saya yakin "sekiranya kita gagal merancang membangunkan belia hari ini maka sebenarnya kita sedang merancang satu keruntuhan bangsa di masa akan datang!"

Saudara-Saudari,

Sebenarnya apa yang dikehendaki oleh anak-anak muda ini ialah satu perubahan. Dari kepalsuan dan kepura-puraan kepada kebenaran dan ketulenan. Dari tidur lena kepada bangun bertindak. Dari diayun khayalan fartamogana kepada realiti memajukan masyarakat. Dari kemunduran ekonomi, kemiskinan, kemelaratan dan penyakit kepada kemajuan ekonomi, kesenangan, kemakmuran dan masyarakat yang sihat. Pendek kata bagi anak-anak muda yang selama ini menjadi silent majority amat inginkan satu anjakan paradigma ke arah membentuk satu negara maju yang serba canggih dan kuat.

Saudara-Saudari,

Melahirkan generasi belia yang cemelang memang sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan. Kita amat sedar akan hakikat kata-kata Imam Ghazali bahawa "keadaan dan kualiti belia hari ini akan menggambarkan realiti masyarakat di masa akan datang". Oleh itu, kita mengambil pendekatan dan strategi yang paling asas tetapi berkesan walaupun ianya terpaksa memakan masa yang lama dan terlalu mahal iaitu kaedah "Pendidikan". Hakikat ini terbukti apabila setiap tahun kita memperuntukkan sejumlah besar bujet negara untuk pendidikan. Dalam pendidikan inilah kita berikan elemen ilmu pengetahuan, kemahiran, menyatupadukan setiap kaum dalam negara, membentuk sahsiah, sikap positif, mendidik nilai murni, faham agama dan banyak lagi yang memang semua orang tahu.

Kita sedar bahawa sejak dari dahulu lagi salah satu asas kepada pembangunan negara adalah terletak kepada kekuatan dan aset yang terdapat pada golongan belia. Bilangan belia di negara ini dianggarkan lebih 60% daripada jumlah penduduk negara. Peranan besar golongan belia ini sememangnya diakui dan diiktiraf kerana mereka bakal menentukan kesinambungan pembangunan dan kepimpinan masa hadapan negara.

Sebagai generasi yang menjadi tunggak kepada kepimpinan serta pembangunan negara, sudah semestinya kita tidak mahu

terpinggir dari medan persaingan terhadap perubahan paradigma dunia yang global. Telah banyak pencapaian dan kejayaan yang amat membanggakan dikaitkan dengan negara Malaysia. Dalam banyak perkara, kita sering menjadi contoh kepada negara luar, terutamanya negara-negara dunia ketiga.

Bagi menghadapi era globalisasi dan liberalisasi, golongan belia perlulah mempunyai kemampuan untuk menterjemahkan kedua-duanya ke dalam satu bentuk tindakan praktikal yang kelak akan memberi manfaat kepada golongan belia secara keseluruhannya.

Saudara-Saudari,

Mungkin dalam kesempatan masa yang ada di majlis ini kita boleh melihat beberapa cabaran dan prasyarat untuk membentuk generasi cemerlang yang kita inginkan.

Jika diteliti secara halus, ada beberapa cabaran yang berat sedang dihadapi oleh dunia pada hari ini dan mungkin berlarutan hingga beberapa dekad akan datang. Antaranya ialah :

1. Cabaran Menghadapi dan Menangani Perubahan-Perubahan Dunia yang sedang pesat berlaku hari ini. Ini termasuklah isu dari multi-polar kepada unipolar, Dunia Tanpa Sempadan, globalisasi, Liberalisasi, Revolusi Multimedia/ICT, ledakan maklumat dan lain-lain lagi.

2. Cabaran Mewujudkan Perpaduan, Keamanan dan Kemakmuran Sejagat. Di Malaysia, hal ini kita yakin boleh ditangani dengan asas kebijaksanaan dan perkongsian kuasa, tetapi persengketaan yang berlaku di rantau ASEAN, Timur Tengah, Balkan dan Afrika cukup membimbangkan kita. Isu persengketaan kaum yang membawa kes ethnic cleansing, penjajahan ketenteraan, keganasan kian meningkat.

3. Isu Ekonomi. Soal kemiskinan, penjajahan ekonomi, pembahagian kekayaan yang tidak adil, hutang luar yang meningkat, kemunduran, pendapatan rendah, penutupan kilang industri akibat persaingan hebat mass production seperti China menyebabkan hilangnya pekerjaan dan isu pemilikan rumah perlu ditangani dengan bijak.

4. Isu Ancaman Penyakit Berjangkit. Jangkitan SARS, J.E., selsema burung, lembu gila dan mungkin banyak lagi

akan memberi kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi.

5. Cabaran Penularan Budaya Yang Merusakkan dan Penyakit Sosio-Budaya seperti kehilangan adab (culture loss), pemujaan kepada gaya hidup sansate yang berpaksikan hedonisme nafsu seperti perjudian budaya dadah, eksploitasi tubuh wanita, budaya disko, video lucah, gangsterisme, lumba haram dan banyak lagi.

6. Cabaran Membina Sikap Terpuji Berteraskan Nilai-Nilai Murni. Isu membina generasi rajin, kuat bekerja, inovatif dan kreatif, tekun dan sabar, bekerjasama, amanah dan jujur, sentiasa cintakan perpaduan dan kedamaian.

Saudara-Saudari,

Setiap cabaran yang dinyatakan ini mahu tidak mahu terpaksa dihadapi oleh generasi muda. Kejayaan kita menanganinya dengan berjaya dan berkesan, nescaya akan memberikan jaminan masa depan yang lebih gemilang kepada bangsa dan negara kita ini.

Persoalan yang pasti bermain diminda kita ialah, bagaimana kita harus mempersiapkan generasi muda khususnya belia kita bagi menghadapi cabaran-cabaran ini.

Di antara strategi yang boleh dipertimbangkan adalah seperti :

1. Membentuk Generasi Belia Yang Bertanggungjawab
Memiliki sikap "sense of responsibility", membentuk sikap "sense of duties", membentuk sikap belia yang memiliki "sense of belonging", "Industrious", sikap istiqamah (consistant) dan semangat sukarelaan (volunteerism) yang tinggi dalam masyarakat.

2. Generasi Belia Yang Bijaksana (Sifat Wisdom)
Biasanya persepsi yang sempit dan paradigma yang tertutup cenderung kepada sukarnya mencari penyelesaian yang kreatif dan berkesan. Pada masa ini kaedah "rules of thumb" dan "fix functional" sudah dianggap sangat konservatif. Oleh itu generasi hari ini harus mampu memiliki cara berfikir "thinking outside the box". Keadaan ini perlu kerana masalah dan cabaran yang akan dihadapi dan diselesaikan adalah lebih rumit dan sofistikated.

3. Membangun Semula Kesedaran Baru

Kesedaran ini harus bersifat komprehensif, saintifik dan realistik. Antara isu yang harus diberitahu ialah:

a) Keadaan negara kita sentiasa mempunyai persaingan yang kian sengit dari masyarakat antarabangsa dalam setiap sektor baik ekonomi, keselamatan, budaya mahupun politik.

b) Keamanan dan keharmonian yang kita nikmati ini mungkin akan lenyap sekiranya kita leka, berpecah belah dan hilang sifat patriotisme.

c) Perpaduan antara kaum di negara kita adalah formula yang cukup tepat dan hendaklah dipelihara secara sedar, insaf dan bertanggungjawab.

d) Sejarah yang pernah berlaku di negara kita tidak mustahil akan berulang kembali dan keruntuhan yang sedang dialami oleh negara Iraq, Palestin, Somalia, Bosnia dan beberapa negara Afrika mungkin boleh menimpa kita.

4. Membina generasi belia yang kukuh bersatu padu dengan sikap toleransi yang tinggi, keteguhan persaudaraan, perasaan kesatuan yang bersifat 'regimented' dan saling memahami dan menerima perbezaan yang wujud dalam negara ini sebagai faktor pendorong untuk kita lebih kuat bersatu padu.

5. Menjadikan Ilmu Sebagai Asas Kekuatan Bangsa

tanpa mengira perbezaan kaum dan etnik, kita harus berganding bahu bekerja, berfikir, mengkaji menggunakan daya akal semaksimum terhadap alam. Menjadikan falsafah Islam Hadhari (Islam-Civilization) sebagai asas dan konsep untuk maju dan melonjak ke hadapan. Generasi yang berupaya meneroka ilmu dan kajian empiris.

6. Membentuk generasi yang berfikiran merdeka, tidak melulu dengan fahaman taklid (pak turut) secara taksab dan memiliki daya tahan fizikal, mental dan spriritual. Ini akan melahirkan generasi muda yang seimbang dan kuat.

7. Membina Masyarakat Penyayang

Yakni membina kekuatan kekeluargaan dalam masyarakat. Mengukuhkan perhubungan keluarga dan rumah tangga. Keluarga yang kuat dan padu akan dapat membina masyarakat yang harmoni, bersatu dan kukuh. Mementingkan pendidikan

akhlak anak-anak, pendidikan keibubapaan, tanggungjawab ibu bapa, anak-anak, jiran tetangga, guru dan murid dan seterusnya masyarakat sekitar.

Saudara-Saudari,

Sempena menyambut Hari Belia tahun ini mungkin kita boleh lontarkan satu soalan sebagai proses muhasabah dan asas untuk merancang. Apakah rupa, sifat, sikap, personaliti, karakter dan kualiti belia yang sedang kita siapkan untuk menghadapi cabaran dunia hari ini dan masa depan? Apakah ingredient dan resipi yang sedang kita gunakan dan apakah bench mark yang kita gunakan untuk menjadi kayu ukur model belia yang kita cita-citakan. Hal ini harus kita jadikan satu agenda yang penting seiring dengan perancangan program dan aktiviti belia yang memang menjadi agenda utama kita.

Melihat kepada tajuk-tajuk kertas kerja dan forum yang telah dibentangkan dalam konvensyen ini, saya pasti banyak perkara-perkara yang bersifat "futuristic approach" bagi menangani isu-isu semasa terutamanya yang berkaitan dengan generasi belia telahpun dibincangkan bersama.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan Konvensyen Belia Kebangsaan tahun 2004 ini.

Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dan sukacitanya merasmikan Konvensyen Belia Kebangsaan 2004.

Sekian, terima kasih.